

Dua sindiket tumpas, dadah RM25.35j dirampas

UTUSAN MALAYSIA

MS: 8

4/6/2022

Oleh MASZUREEN HADZMAN
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Dua sindiket penyeludupan dan pengedaran dadah bagi pasaran antarabangsa tumpas selepas empat individu ditahan di Selangor dan Kedah.

Operasi yang dijalankan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman sejak kelmarin sehingga semalam berjaya menahan empat lelaki dan seorang wanita tempatan berusia antara 25 sehingga 39 tahun.

Hasil serbuan itu pelbagai jenis dadah terdiri daripada methamphetamine, heroin dan pil ekstasi bernilai RM25.35 juta.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, kesemua dadah berkenaan diseludup dari negara 'segitiga emas' untuk diseludup ke Indonesia.

Kata beliau, tangkapan pertama dilakukan terhadap seorang lelaki di sekitar Selangor, kelmarin.

"Hasil serbuan yang dilan-



AYOB Khan Mydin Pitchay menunjukkan sebahagian dadah yang dirampas pada sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Bukit Aman semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

carkan, pelbagai dadah yang dianggarkan bernilai RM16.4 juta dirampas.

"Dalam operasi berasingan, dua lagi serbuan dilakukan di Selangor dan Kedah. Operasi ini kita menahan empat lagi suspek dan 248.7 kilogram metham-

phetamine bernilai RM8.95 juta dirampas," katanya dalam sidang akhbar di Bukit Aman.

Jelas Ayob Khan, modus operandi yang digunakan sindiket itu adalah menjadikan premis kediaman sebagai tempat menyimpan dadah sebelum dise-

ludup ke luar negara dan ada juga dadah diedarkan untuk pasaran tempatan.

"Siasatan mendapati sindiket berkenaan aktif dalam kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah ini sejak penghujung tahun lalu," katanya.